

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan terhadap 135 orang responden yang sedang mengikuti kelas pengajian al-Quran di lapan buah masjid yang terpilih di sekitar daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur. Mereka merupakan masyarakat Melayu dari golongan kelas pertengahan yang terdiri dari responden lelaki dan perempuan yang mempunyai latar belakang sosial yang pelbagai. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai pendekatan metode yang digunakan oleh tenaga pengajar dan pendekatan metode pengajian yang dilalui oleh golongan kelas menengah di kelas al-Quran di masjid, seterusnya, mengenal pasti sejauh mana golongan ini boleh menguasai al-Quran selepas menghadiri kelas pengajian al-Quran di masjid. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, tinjauan, temu bual dan pemerhatian. Data-data dianalisis melalui Program Sistem Statistik Pukal Sains Sosial (*Statistical Package For Social Science/SPSS*) Versi 10.0. Analisis statistik diskriptif seperti frekuensi, peratusan dan graf telah dijalankan dalam kajian ini, diikuti analisis korelasi Spearman r dan ujian Khi Kuasa Dua untuk kebebasan. Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pendekatan metode pengajaran dan pendekatan metode pengajian terhadap tahap penguasaan al-Quran oleh golongan kajian selepas mereka menghadiri kelas pengajian al-Quran di masjid.

## **ABSTRACT**

This research is conducted on 135 respondents who are following Al-Quran classes at eight selected mosques around Kuantan, Pahang Darul Makmur. The subjects are of Middle class Malays of both males and females from various social statuses. The purpose of this is to look at the teaching approach methods used by the instructors and the learning approach methods in relation to, how much learning is achieved through these approach methods by this group. This study is conducted using questionnaires, interviews and observations. The data are analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 10.0. Descriptive statistical analysis such as frequencies, percentages and graphs used in this research are analysed using Spearman r correlation coefficient and chi-square test for independence. Through this research, it is noted that there is a significant difference between the teaching and learning approach methods used to the level accomplished by the students in their Al-Quran studies.